

Subsidi 2022 meningkat 134.4 peratus, ringankan beban rakyat

PETALING JAYA: Subsidi yang ditanggung kerajaan tahan lepas meningkat 134.4 peratus bagi meringankan beban rakyat berikut kenaikan kos sara hidup.

Pada tahun lepas kerajaan membelanjakan sebanyak RM77.3 bilion untuk pemberian subsidi, ia termasuk subsidi kepentingan meliputi petrol, minyak masak, tepung dan elektrik berjumlah RM51 bilion; bantuan kebajikan masyarakat termasuk Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) (RM11.7 bilion) dan lain-lain subsidi (RM14.6 bilion).

Pada tahun ini pula, kerajaan dalam Belanjawan 2023 dilaporkan memperuntukkan RM55 bilion untuk subsidi, bantuan dan insentif lain.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pemberian subsidi yang tinggi merupakan tidak balas kerajaan dalam meredakan tekanan inflasi dan usaha memulihkan ekonomi yang berterusan.

Katanya, pemberian subsidi yang lebih tinggi berbanding kutipan cukai bersih (cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import), telah menyebabkan pendapatan diterima kerajaan tahun lalu menurun.

Komponen cukai bersih menyusut 69.2 peratus pada tahun lalu, berbanding penurunan sebanyak 7.4 peratus tahun sebelumnya, katanya.



PEMBERIAN subsidi membolehkan rakyat menikmati barang keperluan pada harga yang lebih murah di pasaran. - GAMBAR HIASAN/AFIQ RAZALI

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, pada 2022, KDNK Malaysia dari segi nominal mencatatkan nilai sebanyak RM1,791.4 bilion (RM1.8 trilion), peningkatan 15.7 peratus daripada 9.2 peratus tahun sebelumnya, sementara PP me-

Jelas beliau, pertumbuhan dalam KDNK didorong oleh prestasi Lebihan Kendalian Kasar (LKK) yang lebih tinggi berbanding Pampasan Pekerjaan (PP). LKK berkembang 23.9 peratus berbanding 14.0 peratus tahun sebelumnya, sementara PP me-

ningkat 6.5 peratus (2021: 2.7 peratus).

"Oleh itu, sumbangan PP terhadap KDNK menurun kepada 32.4 peratus berbanding 35.1 peratus pada 2021, manakala sumbangan LKK mengukuh kepada 67.0 peratus (2021: 62.6 peratus).

"Komponen selebihnya disumbangkan oleh cukai bersih iaitu 0.6 peratus berbanding 2.3 peratus daripada KDNK pada 2021," katanya dalam laporan Statistik Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Kaedah Pendapatan bagi tahun 2022.

Mohd. Uzir berkata, komponen PP merangkumi saraan yang diterima oleh pekerja untuk perkhidmatan buruh yang disediakan dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan, dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan.

PP dalam sektor Perkhidmatan berkembang 5.6 peratus (2021: 1.7 peratus), disokong oleh pertumbuhan yang lebih baik dalam semua subsektor, terutamanya Perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman dan penginapan.

Dalam sektor Pembuatan puja katanya, PP meningkat 8.6 peratus berbanding 8.1 peratus pada 2021, disumbang oleh produk Elektrik, Elektronik dan Optik.

Selain itu, PP dalam Pembinaan dan Perlombongan dan pengkuarian menokok masing-masing sebanyak 9.0 peratus (2021: 3.4 peratus) dan 10.3 peratus (2021: 5.1 peratus). Sementara itu, PP dalam sektor Pertanian pulih kepada 2.3 peratus daripada penguncupan 1.4 peratus pada tahun 2021, katanya.